

B549
MAHATHIR - KOMUNIS

ALOR STAR, 25 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENDEDAHKAN RANCANGAN KOMUNIS UNTUK MEMBUNUH PEMIMPIN-PEMIMPIN KEBANGSAAN BAGI MENIMBULKAN HURU HARA DI NEGARA INI.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENJUMPAI SATU SENARAI MENGANDUNGI NAMA PARA PEMIMPIN TERMASUK MENTERI-MENTERI YANG DIRANCANG AKAN DI BUNUH

SENARAI ITU TELAH DIJUMPAI OLEH PASUKAN KESELAMATAN DALAM SATU SERBUAN ANTI-KOMUNIS YANG DILAKUKAN ENAM TUJUH BULAN LALU, KATANYA DI MAJLIS DIALOG DENGAN PENDUDUK-PENDUDUK TUNJANG DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN TUNJANG, 17 BATU DARI SINI.

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR, YANG JUGA AHLI PARLIMEN KAWASAN KUBANG PASU, TIDAK PULA MEMBERI BUTIR-BUTIR LANJUT.

BELIAU BERKATA, INI JELAS MENUNJUKKAN BETAPA KUATNYA AZAM KOMUNIS UNTUK MEREBUT KUASA DI NEGARA INI HINGGA MEREKA SANGGUP MEMBUNUH PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT SENDIRI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKIRANYA RANCANGAN KOMUNIS ITU BERJAYA RAKYAT AKAN HILANG KEPIMPINAN DAN DENGAN ITU AKAN TIMBUL KEADAAN HURU HARA. -- BERSAMBUNG 1600/YF

££
B550
MAHATHIR 2 ALOR STAR

BELIAU MENINGATKAN APABILA UJUD KEADAAN SEPERTI ITU MUDAHLAH KOMUNIS MERAMPAS PENTADBIRAN DAN SETERUSNYA MENGUASAI NEGARA.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMPASTIKAN RANCANGAN JAHAT KOMUNIS ITU TIDAK AKAN BERJAYA DAN USAHA INI HENDAKLAH DIPIKUL BERSAMA OLEH SELURUH RAKYAT.

DR. MAHATHIR DUKACITA KERANA ADANYA SEGOLONGAN RAKYAT YANG MENGANGGAP PEPERANGAN MENGHAPUSKAN PENGKHIANATAN DAN KEGANASAN KOMUNIS BUKANLAH MENJADI TANGGUNGJAWAB ORANG RAMAI.

MALAH ADA SETENGAH ORANG YANG MENGANGGAP BAHAWA TIDAK MENJADI KESALAHAN BAGI RAKYAT TIDAK MEMATUHI ARAHAN-ARAHAN PENIMPIN MEREKA ATAUPUN MEMBERIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DIBUNUH OLEH KOMUNIS.

ORANG-ORANG SAPERTI ITU JUGA MENGATAKAN RAKYAT TIDAK PERLU MEMBAWA SENJATA MASUK KEDALAM HUTAN UNTUK MEMERANGI KOMUNIS TETAPI HENDAKLAH MENUNGGU SEHINGGA PENGGANAS-PENGGANAS KOMUNIS DATANG KEPADA MEREKA DI KAMPUNG-KAMPUNG ATAUPUN DI BANDAR-BANDAR.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN SIKAP SAPERTI ITU BUKAN SAHAJA SALAH MALAH ITULAH YANG DI KEHENDAKI OLEH KOMUNIS SUPAYA MEREKA DENGAN MUDAH DAPAT MERESAP MASUK UNTUK NERAMPAS PEMERENTAHAN NEGARA.
-- BERSAMBUNG 1603/YF

££
B551
MAHATHIR 3 ALOR STAR

DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PATUT SEDAR BAHAWA PEPERANGAN MENGHAPUSKAN KOMUNIS BUKANLAH PEPERANGAN KERAJAAN SEMATA-MATA TETAPI MELIBATKAN SELUROH RAKYAT TANPA MENGIRA KAYA ATAU MISKIN, CHINA, INDIA ATAUPUN MELAYU.